

PSB - Bahagian Arkib

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, 11 April, 2019 12:31 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Rangkul Dua Anugerah Emerald Publishing Ltd.



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

11 APRIL 2019 / 05 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media dan PSB

UUM RANGKUL DUA ANUGERAH EMERALD PUBLISHING LTD.



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) telah merangkul dua anugerah daripada Emerald Publishing Ltd. menerusi penggunaan pangkalan data maklumat dan juga terbitan berafiliasi UUM dalam pangkalan data maklumat EmeraldInsight.

Dua anugerah tersebut adalah 'High Usage Award' dan 'High Research Output Award' yang mana UUM tersenarai dalam kedudukan ke-5 di dunia untuk 'High Usage Award', manakala di tempat ke-5 di Malaysia untuk anugerah 'High Research Output Award'.

EmeraldInsight merupakan pangkalan data maklumat berkaitan dalam bidang perniagaan, pengurusan dan strategi, perakaunan, kewangan dan ekonomi, pemasaran, operasi logistik dan kualiti, pendidikan, pelancongan dan hospitaliti, pengangkutan, sosiologi, pengurusan harta dan persekitaran pembangunan dan lain-lain penulisan penyelidikan dalam bidang sains sosial.


Seramai 81 orang pengarang UUM telah berjaya menerbitkan 101 artikel yang diterbitkan oleh Emerald Publishing Ltd. dan diindeks oleh EmeraldInsight.

Bagi High Usage Awards 2018, UUM kekal di tangga kedua selepas UiTM, kedudukan yang sama seperti pencapaian bagi tahun 2016 dan 2017.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, beliau bangga di atas pencapaian tersebut dan berterima kasih kepada staf akademik yang telah menyumbang kepada pencapaian itu.

"Saya berharap lebih banyak lagi artikel diterbitkan dalam jurnal yang berimpak tinggi yang akan menjadi rujukan kepada semua pihak dan ini secara tidak langsung akan membantu menaikkan nama dan imej UUM," katanya.

Trofi dan sijil kemenangan tersebut akan disampaikan pada Emerald Librarian Conference yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 16 April 2019.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.